

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU  
NAIDU  
(BATU GAJAH)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [ BATU  
GAJAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan  
kewangan MAS pada masa sekarang. Apakah langkah-langkah  
membaik pulih penjimatan kos dan usaha-usaha yang telah diambil  
untuk menguntungkan syarikat tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pemulihan MAS  
(PPM) yang sedang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Bhd  
(Khazanah) mulai 29 Ogos 2014 memberi tumpuan kepada 12 bidang  
utama meliputi proses Tadbir dan Rangka Kerja Kewangan, Model

Operasi Perniagaan, Kepimpinan dan Modal Insan serta Pengawalseliaan.

Sejak beroperasi mulai 1 September 2015, Malaysia Airlines Bhd (MAB) telah mencatatkan kemajuan positif selaras dengan hasrat PPM, di mana MAB akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif untuk memulihkan prestasi perkhidmatan dan kewangan syarikat. Berdasarkan prestasi suku kedua tahun 2016, prestasi kewangan MAB menunjukkan sedikit penurunan berbanding suku pertama berikutan penurunan permintaan. Walau bagaimanapun, MAB yakin dapat mengurangkan kos operasi seterusnya meningkatkan prestasi syarikat. Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi membaik pulih penjimatan kos syarikat adalah menghentikan beberapa laluan perkhidmatan penerbangan yang tidak menguntungkan seperti Paris dan Amsterdam serta mengadakan kerjasama strategik dengan Emirates Airlines melalui perkongsian kod penerbangan. Perkongsian ini menyediakan akses kepada rangkaian laluan perkhidmatan Emirates Airlines yang lebih luas merangkumi 30 buah negara termasuk di benua Amerika Utara dan Selatan serta Afrika.

MAB turut memberi tumpuan kepada kajian semula kontrak

bekalan syarikat. Bagi tujuan tersebut, lebih 4,000 kontrak telah dikenal pasti untuk semakan semula secara komprehensif. Rundingan semula kontrak-kontrak tersebut bertujuan memperbaiki terma perjanjian sedia ada supaya terma baharu selaras dengan penanda aras pasaran. Pada masa ini, MAB masih lagi giat mengkaji dan mengadakan rundingan semula perjanjian dengan pembekal-pembekal sedia ada bagi mencapai sasaran 2,000 kontrak sepertimana yang dicadangkan. Selain itu, bagi meningkatkan kecekapan pengurusan bahan api, pelbagai inisiatif baharu sedang dilaksanakan oleh MAB seperti menambah baik prosedur operasi standard dan dasar-dasar yang berkaitan dengan kelajuan, berat badan dan muat naik bahan api pesawat.

Berdasarkan komitmen dan fokus ke atas pelaksanaan pelbagai strategi dan inisiatif yang telah dikenalpasti dan dilaksanakan secara berperingkat di bawah PPM, MAB akan terus beroperasi dengan cekap dan diyakini akan menunjukkan peningkatan prestasi perkhidmatan yang lebih positif dan dijangka mencatatkan keuntungan menjelang tahun 2018.